Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

SEPTEMBER
2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia

FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.

PUAN SHAHIDATUL AKHMAM BT RAMBELI

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

SIDANG REDAKSI



Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Puan Nurmaisari Che Anuar
- Puan Ayuzawahie Amran

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920

Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407



Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.

Pulau Perhentian

Kuala Terengganu

Kredit: Pinterest.com



PROGRAM MERDEKA:
RIUH RIA BERSAMA

10 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Sesi bergambar bersama-sama sebelum acara bermula

DUNGUN, 10 September – Program MerdekaRia: Riuh Ria Bersama telah berjaya dilaksanakan pada 10 September 2026 (Khamis), dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang, bertempat di Dataran Jasmin dan Sudut AZKA@LCE, Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun. Program bersempena dengan Sambutan Bulan Kebangsaan 2026 ini telah melibatkan seramai 95 orang staf UiTMCT.



Pelbagai aktiviti santai dan interaktif telah dianjurkan bagi menyemarakkan semangat patriotisme serta memupuk semangat kerjasama dalam kalangan warga kampus. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Pancing Botol, Pleting Dalam Botol, Musang Berjanggut Merdeka, Getah Atas Para dan Kerusi Merdekaku. Selain itu, aktiviti pinjaman bahan bacaan dan cabutan bertuah turut diadakan bagi menggalakkan warga kampus mengunjungi perpustakaan serta memanfaatkan koleksi dan perkhidmatan yang disediakan. Secara keseluruhannya, program ini berlangsung dengan meriah dan mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada warga UiTMCT.

Inisiatif ini juga memperkukuh peranan Perpustakaan Cendekiawan sebagai pusat ilmu dan ruang interaksi komuniti kampus.

SCAN ME

TAKLIMAT SISTEM PERMATA-My READING BERSAMA WARGA UiTMCT

10 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran




Puan Shahidatul Akhmam sedang memberikan penerangan

DUNGUN, 10 September – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menganjurkan Taklimat Sistem PERMATA-My Reading pada 10 September 2026 (Khamis), jam 11.00 pagi bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE). Taklimat ini disertai oleh warga UiTMCT sebagai usaha memperkenalkan inisiatif pembudayaan ilmu dalam kalangan staf universiti.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan, yang memberikan penerangan mengenai pelaksanaan Sistem PERMATA-My Reading. Inisiatif ini menggalakkan staf membudayakan amalan membaca melalui sasaran peminjaman sebanyak 24 naskhah bahan bacaan daripada perpustakaan dalam tempoh setahun.





Penganjuran taklimat ini merupakan salah satu usaha Perpustakaan Cendekiawan untuk menggalakkan warga UiTMCT memanfaatkan koleksi dan perkhidmatan perpustakaan serta menjadikan aktiviti membaca sebagai amalan berterusan dalam kehidupan seharian. Usaha ini diharap dapat menyemarakkan budaya membaca dan memperkukuh pembudayaan ilmu selaras dengan aspirasi "Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa."

Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada pembentukan warga UiTMCT yang berilmu, berwawasan dan berdaya saing melalui budaya membaca yang berterusan. Marilah bersama-sama menjadikan membaca sebagai amalan dan ilmu sebagai asas kecemerlangan.

Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada pembentukan warga UiTMCT yang berilmu, berwawasan dan berdaya saing melalui budaya membaca yang berterusan.

SCAN ME

BENGKEL CITRA ILMU
BERSAMA PENGAWAS PUSAT SUMBER SMK AGAMA NURUL ITTIFAQ

13 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Bergambar kenangan bersama para pelajar SMKA Agama Nurul Ittifaq



DUNGUN, 13 September – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menganjurkan Bengkel Citra Ilmu bersama Pengawas Pusat Sumber SMK Agama Nurul Ittifaq pada 13 September 2026 (Ahad), bertempat di Pusat Sumber Darul Hikmah, SMK (A) Nurul Ittifaq. Bengkel yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 11.30 pagi ini telah melibatkan seramai 50 orang pengawas pusat sumber.

Sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Cik Asmahani Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan dan Puan Nurmaisari Che Anuar, Pustakawan. Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan berkaitan pengurusan pusat sumber serta meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan pengawas dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Perkongsian ini turut mendorong pengawas untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pusat sumber dengan lebih aktif, kreatif dan berkesan.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan dalam memperluas jaringan kerjasama strategik dengan institusi pendidikan serta menyokong usaha pembudayaan ilmu dan literasi maklumat di luar kampus.

SCAN ME

PROGRAM JALINAN ILMU
INSPIRASI UITMCT BERSAMA SMK (A) NURUL ITTIFAQ

13 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Bergambar kenangan bersama para pelajar calon SPM, SMKA Agama Nurul Ittifaq

DUNGUN, 13 September – Program Jalinan Ilmu, Inspirasi UiTMCT bersama SMK (A) Nurul Ittifaq telah berlangsung pada 13 September 2026 bertempat di Surau Asrama SMK (A) Nurul Ittifaq, dengan penglibatan seramai 146 orang pelajar. Program yang berlangsung dari pukul 11.30 pagi hingga 1.00 petang ini merupakan inisiatif UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dalam memperluas jaringan kerjasama dengan institusi pendidikan setempat melalui perkongsian ilmu dan pengalaman. Program ini menampilkan dua orang penceramah, iaitu Nur Dalila Adenan, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTMCT dan Wan Nur Syazwina Wan Haswani, Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa (PTFT), Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTMCT.







Sebagai simbolik jalinan kerjasama antara kedua-dua institusi, program turut menyaksikan sesi menandatangani Sijil Jaringan Kolaborasi oleh Ustaz Ruslimi Zakaria, Penolong Kanan Kokurikulum, selaku wakil Pengetua SMK (A) Nurul Ittifaq, dan Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan UiTMCT. Penganjuran program ini mencerminkan komitmen UiTMCT dalam memperkukuh hubungan dengan komuniti pendidikan serta membuka peluang kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif perkongsian ilmu dan pendidikan pada masa hadapan.

SCAN ME

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
MASJID AR-RAHMAN PULAU PERHENTIAN

13 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran

DUNGUN, 14 September – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) meneruskan komitmen dalam memperkasa pembudayaan ilmu dan penglibatan komuniti melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Masjid Ar-Rahman, Pulau Perhentian pada 14 September 2026. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Akademi Zakat (AZKA-PPZ), Masjid Ar-Rahman Pulau Perhentian, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Pulau Perhentian, Unit Kesihatan UiTMCT serta Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTMCT sebagai usaha memperkukuh hubungan strategik antara universiti dengan masyarakat setempat.



Bergambar bersama di hadapan Masjid Ar Rahman, Pulau Perhentian

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah gotong-royong membersihkan kawasan dan persekitaran masjid yang melibatkan warga UiTMCT bersama wakil komuniti setempat. Aktiviti ini bertujuan mewujudkan persekitaran masjid yang bersih, selesa dan kondusif untuk aktiviti ibadah serta kemasyarakatan. Selain itu, Sudut IQRA turut diwujudkan di Masjid Ar-Rahman dengan menempatkan sumbangan bahan bacaan daripada AZKA-PPZ sebagai inisiatif menyediakan ruang bacaan dan pembelajaran yang mudah diakses oleh komuniti setempat.





Pewujudan Sudut IQRA diharap dapat menyemarakkan minat membaca, memperluas akses kepada bahan ilmu serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat Pulau Perhentian.

SCAN ME

TAKLIMAT KESIHATAN:
TEKNIK CPR, KESAN JEREBU DAN STROK HABA

14 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Penceramah sedang memberi penerangan berkenaan bayi tersedak susu





DUNGUN, 14 September – Taklimat Kesihatan yang memberi penekanan kepada teknik CPR, kesan jerebu dan strok haba telah berlangsung pada 14 September 2026 (Isnin), jam 8.00 malam bertempat di Masjid Ar-Rahman, Pulau Perhentian. Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran komuniti setempat mengenai aspek kesihatan serta tindakan awal yang perlu diambil ketika berhadapan dengan situasi kecemasan.

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Ahmad Tuan Cob dan Encik Wan Mohd Faiz Wan Ahmad, Penolong Pegawai Perubatan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT). Para peserta diberikan pendedahan mengenai teknik Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) serta langkah awal yang boleh dilakukan bagi membantu mangsa ketika kecemasan. Perkongsian turut merangkumi kesan jerebu terhadap kesihatan dan langkah pencegahan strok haba.

Selain itu, taklimat ini turut menyentuh aspek keselamatan bayi, khususnya langkah pencegahan dan tindakan awal apabila bayi mengalami situasi tersedak susu. Pengetahuan mengenai bantuan kecemasan amat penting bagi membolehkan masyarakat bertindak dengan lebih yakin dan teratur sementara menunggu bantuan perubatan tiba.

Penganjuran program ini diharap dapat meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi kecemasan, di samping memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan dan keselamatan diri serta keluarga.

SCAN ME

MINGGU DESTINI SISWA SESI OKTOBER 2026 – FEBRUARI 2027:
TAKLIMAT PENGENALAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN

26 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran

DUNGUN, 26 September – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan Taklimat Pengenalan Perpustakaan Cendekiawan sempena Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2026 – Februari 2027 pada 26 September 2026 (Sabtu), dari jam 9.15 pagi hingga 9.45 pagi. Taklimat yang berlangsung selama 30 minit ini melibatkan seramai 1,700 orang pelajar baharu dan diadakan di Dewan Aspirasi UiTMCT serta Dewan Kuliah Anggerik, Dewan Kuliah Bakawali dan Dewan Kuliah Cemara. Program ini bertujuan memperkenalkan perpustakaan sebagai pusat rujukan dan sumber ilmu yang penting dalam menyokong keperluan pembelajaran serta kecemerlangan akademik pelajar sepanjang pengajian.







Barisan kakitangan Perpustakaan Cendekiawan yang terlibat dengan taklimat

Sepanjang sesi taklimat, para pelajar diberikan pendedahan mengenai peranan, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Cendekiawan. Pelajar turut diperkenalkan dengan sistem PERMATA yang membolehkan mereka mengakses maklumat berkaitan bahan perpustakaan bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan. Pendedahan ini diharap dapat membantu pelajar memahami kaedah mendapatkan bahan rujukan dengan lebih mudah dan sistematik, di samping menggalakkan penggunaan sumber maklumat yang sahih dan berkualiti. Inisiatif ini juga penting dalam memupuk budaya membaca, pembelajaran kendiri dan amalan pencarian maklumat secara berkesan dalam kalangan mahasiswa.

SCAN ME

LAWATAN PENANDA ARAS
PTAR UITM CAWANGAN MELAKA KE PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN

30 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



DUNGUN, 30 September – Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu telah menerima kunjungan delegasi seramai 28 orang staf daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka bagi mengadakan lawatan penanda aras pada 30 September 2026 (Rabu), bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE). Delegasi yang diketuai oleh Encik Norhazlan Nordin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, telah mengikuti sesi penerangan mengenai sejarah penubuhan, perkhidmatan serta aktiviti perpustakaan yang disampaikan oleh Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan. Sesi ini turut memberi gambaran mengenai peranan Perpustakaan Cendekiawan dalam menyokong keperluan akademik, pembudayaan ilmu dan penglibatan komuniti di UiTMCT.



Sekitar lawatan yang diterima oleh pihak Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu

Sepanjang lawatan, para delegasi berpeluang berkongsi pengalaman serta bertukar pandangan berkaitan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan perpustakaan. Perkongsian ini menjadi platform untuk meneroka amalan terbaik, bertukar idea dan mengenal pasti peluang penambahbaikan. Selain itu, para delegasi turut berpeluang merasai madu kelulut yang diusahakan oleh PJIA UiTM Cawangan Terengganu, sekali gus memperkenalkan salah satu inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan di UiTMCT.

Penganjuran program ini diharap dapat meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi kecemasan, di samping memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan dan keselamatan diri serta keluarga.

SCAN ME

PEMBENTANGAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

17 September 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar



Sesi bergambar staf bersama dengan pelajar latihan industri, Saudara Tuan Amir Idham



Sesi pembentangan sepanjang di Perpustakaan Cendekiawan

KUALA TERENGGANU, 17 September – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Sesi pembentangan bersama pelajar latihan industri bermula 2.00 petang sehingga 3.00 petang di Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKKT. Sesi pembentangan telah disampaikan oleh pelajar latihan industri iaitu Saudara Tuan Amir Idham bin Tuan Kamal dari Diploma Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Beliau telah membentangkan berkenaan tugasan dan projek yang dilaksanakan sepanjang tempoh latihan industri di perpustakaan.

Sesi pembentangan latihan industri telah dibentangkan mengenai tugasan dan projek yang dilaksanakan sepanjang tempoh latihan industri di perpustakaan. Antara tugasan yang dilaksanakan ialah pemutihan rekod bibliografik, mengemaskini muka depan buku di PERMATA dan moderater program perpustakaan. Selain itu, pelajar turut dilantik sebagai pembaca doa untuk program kampus.



Pembentangan oleh pelajar industri yang dihadiri oleh staf perpustakaan dan pelajar latihan industri

Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh dapat dimanfaatkan sebaiknya pada masa akan datang

SCAN ME

MINGGU DESTINI SISWA SESI OKT 2026 - FEB 2027

TAKLIMAT PENGENALAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN

27 September 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar



Sesi bergambar bersama pelajar baharu Sesi Okt 2026 - Feb 2027

KUALA TERENGGANU, 27 September – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Taklimat Pengenalan Perpustakaan Cendekiawan bermula 8.30 pagi sehingga 9.30 pagi di Dewan Lestari, UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Sesi taklimat ini telah dihadiri oleh 305 pelajar baharu sesi Oktober 2026 sehingga Februari 2027. Selamat datang dan tahniah diucapkan kepada pelajar baharu Sesi Okt 2026 - Feb 2027 yang telah memilih UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Kuala Terengganu sebagai destinasi untuk meneruskan pengajian.



Sesi perkongsian bsersama pelajar

Bagi menyambut kehadiran pelajar baharu, sesi Taklimat Pengenalan Perpustakaan telah dikendalikan oleh Puan Nurmaisari Che Anuar, Pustakawan dan staf perpustakaan. Taklimat ini bertujuan memberikan penerangan serta pendedahan kepada para pelajar mengenai perkhidmatan, kemudahan serta sumber maklumat yang disediakan oleh Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Selain itu, para pelajar turut diperkenalkan akses kepada sistem PERMATA bagi memudahkan urusan mendapatkan bahan serta maklumat yang diperlukan sepanjang tempoh pengajian.

Turut dikongsikan ialah panduan dan kaedah pencarian maklumat yang mudah dan berkesan, sekali gus membantu para pelajar memperoleh sumber rujukan yang tepat bagi menyokong pembelajaran dan tugasan akademik mereka.

Semoga perkongsian yang disampaikan dapat memberikan manfaat kepada semua pelajar baharu serta menjadi panduan dalam memanfaatkan sepenuhnya perkhidmatan, kemudahan dan sumber maklumat yang disediakan oleh Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT.

SCAN ME

PROGRAM PERLAWANAN PERSAHABATAN

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI TERENGGANU (PPAT)

28 September 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar

KUALA TERENGGANU, 28 September – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Kuala Terengganu berbesar hati menyertai Program Perlawanan Persahabatan Sukan Dart anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT). Program ini turut disertai oleh warga kampus yang terdiri daripada staf Perpustakaan Cendekiawan, Pentadbiran, Hal Ehwal Pelajar (HEP), Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Bendahari.



Sesi bergambar pasukan UiTM dan PPAT di Dewan Ilmuwan, PPAT

Penganjuran program ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kesukanan serta memperkukuh kerjasama antara kedua-dua pihak melalui aktiviti sukan dalam suasana yang santai dan harmoni. Penyertaan ini juga merupakan salah satu bentuk sokongan kepada pasukan PPAT sebagai persediaan menghadapi Konvensyen Perpustakaan Awam Se-Malaysia Ke-26.



Sepanjang program berlangsung



Wakil staf perpustakaan yang bermain Dart

Dalam perlawanan tersebut, pasukan PPAT berjaya meraih kemenangan dengan memperoleh 8 mata, manakala pasukan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu memperoleh 3 mata. Walaupun keputusan memihak kepada pasukan PPAT, perlawanan ini tetap menjadi platform yang bermakna dalam memupuk semangat kesukanan, mengeratkan hubungan profesional dan mengukuhkan jalinan kerjasama antara kedua-dua institusi.

SCAN ME

SPEED READING SEMPENA PROGRAM KEMBARA MERDEKA & KHIDMAT KOMUNITI STAF UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS BUKIT BESI 2026

10 Sept 2026
Oleh: Rashdan Affandi



BUKIT BESI, 10 September - Program Kembara Merdeka & Khidmat Komuniti Staf UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi 2026 telah berlangsung di Sekolah Kebangsaan Padang Setebu, Kuala Berang, Hulu Terengganu pada 10 September 2026. Program yang disertai seramai 49 orang murid itu dianjurkan bagi memperkukuh jaringan kerjasama dan memperluas perkongsian ilmu antara UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dengan komuniti pendidikan setempat.

Sesi bacaan pantas berlangsung pada jam 10.30 pagi di Makmal Komputer, Sekolah Kebangsaan Padang Setebu. Aktiviti ini melibatkan murid Tahun 4 dari sekolah berkenaan. Sesi tersebut dikendalikan oleh En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pustakawan Kanan, dengan bantuan fasilitator yang terdiri daripada Dr. Nurulhuda Kamarulzaman, Pn. Mardhiah Abdullah, Hjh. Adida Mahammud dan Hjh. Siti Munirah Muda, yang kesemuanya merupakan Pensyarah Kanan dari Fakulti Sains G.



Sepanjang program berlangsung

Majlis penutup turut menyaksikan sesi menandatangani Sijil Jaringan Kolaborasi antara UiTMCT Kampus Bukit Besi dengan SK Padang Setebu. Sijil itu ditandatangani oleh Encik Ahmad Hamidan bin Yusof, Guru Penolong Kanan Pentadbiran yang mewakili Guru Besar, dan Encik Mohd Shahrul Nizam bin Salleh, Penolong Rektor UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi.



Sesi tandatangan berlangsung

SCAN ME

MINGGU DESTINI SISWA SESI OKT 2026 - FEB 2027
TAKLIMAT PENGENALAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN

30 Sept 2026
Oleh: Rashdan Affandi



BUKIT BESI, 30 September - Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi telah mengadakan Taklimat Pengenalan Perpustakaan sempena Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2026 hingga Februari 2027 pada Ahad, 27 September 2026. Taklimat tersebut berlangsung di Ruang Legar, Pusat Niaga Tasik Puteri, dari jam 8.30 pagi hingga 9.00 pagi.

Program selama setengah jam itu melibatkan seramai 416 orang pelajar baharu. Penganjuran sesi ini bertujuan memperkenalkan peranan Perpustakaan Cendekiawan sebagai pusat rujukan dan sumber ilmu yang menyokong keperluan pembelajaran pelajar sepanjang pengajian di UiTMCT Kampus Bukit Besi.



Sepanjang program berlangsung

Sepanjang taklimat, pelajar turut diberikan pendedahan mengenai kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan. Antaranya ialah akses kepada sistem PERMATA yang membantu pelajar membuat carian bahan dan mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan lebih mudah.

Perpustakaan Cendekiawan mengucapkan selamat datang kepada semua mahasiswa dan mahasiswi baharu UiTMCT Kampus Bukit Besi. Semoga perjalanan pengajian mereka dipenuhi pengalaman yang bermakna, ilmu yang bermanfaat serta kejayaan yang membanggakan.

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI